

# KUTKM MAHU LAHIRKAN GRADUAN YANG MENJADI BURUAN MAJIKAN

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 12/12/2004 | Author: / BD FA RHM**

MELAKA, 12 Dis (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) berhasrat melahirkan graduan yang menjadi buruan majikan bukan sahaja kerana mereka berkualiti tetapi datang dari sebuah universiti yang bereputasi tinggi.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata pelbagai perancangan, kaedah dan program telah dan akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat itu.

"Kita berhasrat untuk memastikan bahawa graduan-graduan kita mempunyai pengetahuan yang kukuh, ketrampilan diri yang baik dan kemahiran teknikal yang tinggi," katanya ketika berucap pada Majlis Aidilfitri KUTKM di padang Taman Tasik Utama, Ayer Keroh di sini hari ini.

Mohd Saleh berkata langkah itu penting kerana pengangguran di kalangan graduan sudah menjadi satu masalah ketara dan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran menjadi sengit.

KUTKM ditubuhkan pada Disember 2000 dengan 360 orang pelajar, beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, kini pelajarannya berjumlah 4,608 orang dan tenaga kerja seramai 1,060 orang.

Mohd Saleh berkata kampus tetap KUTKM di atas tapak seluas 290 hektar di Durian Tunggal dekat sini, membabitkan kos pembinaan RM580 juta dijangka siap pada 2007.

Katanya kampus itu akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk pembelajaran, penginapan, aktiviti sosial, keagamaan dan riadah.

KUTKM mensasarkan untuk mempunyai seramai 15,000 orang pelajar menjelang 2010, katanya.

Beliau berkata mulai Januari depan, KUTKM juga akan mempunyai kampus bandar di Jalan Hang Tuah di sini, bagi menempatkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Pusat Universiti-Industri, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran dan Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi.

-- BERNAMA

BD FA RHM